

Gus Dur digesa minta maaf kepada Malaysia

UM - 9 DEC 1999

Oleh AKMAR
HISHAM MOKHLES

KUALA LUMPUR 8 Dis. Majlis Belia Malaysia (MBM) mahu Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur meminta maaf kepada rakyat dan kerajaan negara ini berhubung kenyataannya bahawa Malaysia meminta bantuan beliau untuk 'menjalinkan hubungan erat' dengan Israel.

Presiden MHM, Saifuddin Abdullah yang kesal dengan kenyataan pemimpin ~~ta~~ habit berkata, vihaknya hairan bagaimann' 'Gus Dur boleh mengeluarkan kenyataan tidak berasas itu kerana ia jelas menyinggung rakyat negara ini.

Tegasnya, Gus Dur perlu lebih berhati-hati ketika mengeluarkan kenyataan kerana sebelum ini beliau telah pun menyinggung perasaan pemimpin Malaysia apabila berkata sukar untuk bertemu menteri negara ini, kononnya mereka sibuk bermain golf.

"Gus Dur perlu meminta maaf kepada rakyat dan pemimpin Malaysia secara terbuka.

"Ini kerana isu Israel adalah sesuatu yang amat sensitif bagi kita dan ia tidak boleh dijadikan bahan lawak jenaka," katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi di sini hari ini.

Saifuddin mengulas bantahan keras Malaysia terhadap Gus Dur berikutan laporan maialah antarabangsa *Far Eastern Economic Review (FEER)*, terbitan 9 Disember yang memetik Gus Dur sebaecai berkata, Malaysia meminta Indonesia menjadi orang tengah dalam usahanya menjalinkan hubungan dengan Israel.

Dalam keluaran itu, *FEER* turut melayorkan Gus Dur telah memberitahu wartawan yang tui-ut sama mengikuti" lawatannya ke Timur Tengah bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memintanya membantu menjalinkan hubungan lebih erat dengan negara Yahudi itu.

Gus Dur yang cacat penglihatan setelah mengambil alih jawatan Presiden dari B.J. Habibie kira-kira dua bulan lalu, kini cuba meyakinkan rakyatnya untuk membolehkan Indonesia menjalin hubungan terutama hubungan dagang dengan rejim Israel.

Sebelum berada di vuncak kekuasaan republik itu, Gus Dur yang masih menretuai Pertubuhan Nahdlatul Ulama (NU) oernah dikaitkan dengan sebuah pertubuhan kebajikan antarabangsa yang ditaja oleh Yahudi.

Mengulas lanjut, Saifuddin ~~berkata...~~ walaupun M B M mempersoalkan kenyataan Gus' Dur itu, pertubuhan tersebut juga tidak terkejut sekiranya kenyataan pemimpin negara republik itu sebenarnya hanya rekaan majalah antarabangsa berkenaan.

Ini kerana, katanya, insiden hampir sama pernah dialami oleh yemimyin Malaysia apabila majalah antarabangsa sering membuat laporan tidak tepat tentang

kenyataan mereka berhubung dasar-dasar kerajaan.

Sehubungan itu, Saifuddin berharap rakyat negara ini tidak mudah terpengaruh dengan rencana *FEER* tersebut ekoran terbukti banvak kesilapan dan kecuaiian dari segi laporan kerap dilakukan majalah asing tersebut sebelum ini.

Dalam pada itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim pula berpendapat, Gus Dur sengaja membangkitkan isu tersebut bertujuan untuk menumpang populariti Dr. Mahathir.

Ujar beliau, secara logiknya tidak guna Dr. Mahathir meminta bantuan Gus Dur sekiranya ingin menjalinkan hubungan dengan Israel kerana beliau adalah pemimpin baru serta tidak dikenali di peringkat antarabangsa.

Kata Suhaimi, berdasarkan popularitinya di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri tentu boleh meminta bantuan pemimpin yang lebih dekat dengan Israel

seperti Presiden Palestin, Yasser Arafat sekiranya mahu menjalinkan hubungan diplomatik.

"Gus Dur sebenarnya seolah-olah cuba memberitahu pihak antarabangsa bahawa dia lebih hebat dari Dr. Mahathir dan Perdana Menteri *merasa* gerun dengan Gus Dur.

"Sedangkan dia hanyalah pemimpin mentah yang baru mendapat mandat daripada rakyat," katanya.

Menurut Suhaimi, beliau tidak menuduh Gus Dur berniat jahat dalam isu itu tetapi sekadar berpendapat pemimpin Indonesia itu cuba meraih populariti.

Dalam soal ini beliau berharap Gus Dur tidak akan membangkitkan lagi mengenai isu Israel pada masa depan kerana ia dianggap sensitif di rantau ini serta mudah menimbulkan salah faham antara negara.

"Lebih baik dia tumpukan kepada masalah politik dan ekonomi di negaranya sendiri," katanya.